

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN

KURSI KEPIMPINAN WANITA

No Isu	No. Semakan	Tarikh Kkuatkuasa
01	01	1 Oktober 2017

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	3
2.	SYARAT PERMOHONAN	3
3.	SKOP PENYELIDIKAN	4
4.	TATACARA PERMOHONAN	4
5.	TEMPOH PENYELIDIKAN	4
6.	HASIL PENYELIDIKAN	4 - 5
7.	PENILAIAN	5
8.	PEMANTAUAN	5
9.	SILING PERUNTUKAN	5
10.	TEMPOH IKLAN	5
11	MAKLUMAT LANJUT	6

1.1 PENGENALAN

Geran Penyelidikan Kursi Kepimpinan Wanita adalah merupakan salah satu inisiatif Universiti yang dibangunkan oleh Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKWTFH) di bawah Peruntukan Endowmen dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Geran Penyelidikan ini adalah bertujuan menggalakkan penyelidik menjalankan penyelidikan multidisiplin berfokus kepada agenda pembangunan wanita yang boleh memberi impak kepada UKM, Komuniti dan Negara.

1.2 SYARAT PERMOHONAN

1.2.1 Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik Institusi Pengajian Tinggi dengan syarat-syarat berikut:-

- i. Ketua Penyelidik hendaklah Warganegara Malaysia; dan kakitangan akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia;
- ii. Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); dimestikan mempunyai satu (1) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama; atau
- iii. Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai dua (2) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama;
- iv. Penyelidik bersama dalam geran **WAJIB** melibatkan akademik dari Universiti lain;
- v. Pemohon mestilah kakitangan akademik tetap/ kontrak yang aktif berkhidmat untuk university masing-masing;
- vi. Pemohon hanya dibenarkan menjadi ketua penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa;
- vii. Pemohon yang masih belum mengetuai sebarang projek penyelidikan akan diberi keutamaan;
- viii. Pensyarah/ Felo yang baru selesai dari bercuti belajar serta lulus Ijazah Doktor Falsafah/ setara dan telah berkhidmat tidak melebihi 10 tahun dari tarikh lapor diri adalah digalakkan memohon;
- ix. Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan
- x. Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.

1.2.2 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/ teori/ konsep/ kaedah/ model/ proses baru;

1.2.3 Penyelidikan mestilah membawa impak kepada komuniti sasaran.

1.3 SKOP PENYELIDIKAN

- 1.3.1 Representasi Wanita dalam Arena Politik di Malaysia.
- 1.3.2 Pemetaan Dana Khas Kementerian Terhadap Kedudukan Wanita dalam perniagaan
- 1.3.3 Sistem Perlindungan Sosial dan Akses kepada Perkhidmatan Awam dan Infrastruktur Lestari dalam Mencapai Kesaksamaan Gender
- 1.3.4 Keganasan Terhadap Wanita
- 1.3.5 Mengarusperdanakan Gender
- 1.3.6 Gangguan Seksual

1.4 TATACARA PERMOHONAN

- 1.4.1 Pemohon perlu melengkapkan borang **UKM-PKWTFH-2014-01** dan dihantar DUA (2) salinan ke Pejabat Pengarah, Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim;
- 1.4.2 Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman Web Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (www.ukm.my/pkwtfh); dan Laman Web Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumensi (CRIM) (www.research.ukm.my)
- 1.4.3 Permohonan perlu dikemukakan kepada PKWTFH sebelum atau pada tarikh tamat permohonan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.5 TEMPOH PENYELIDIKAN

- 1.5.1 Jangkamasa projek adalah selama satu (1) tahun. Tarikh mula projek akan ditentukan oleh Urusetia dan tidak boleh diubah.

1.6 HASIL PENYELIDIKAN

- 1.6.1 Penyelidik perlu menghasilkan penerbitan mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan seperti berikut:

PERUNTUKAN DILULUSKAN	KPI PENERBITAN
< RM10,000.00	i. 1 Prosiding terindeks
RM10,000.00 – RM30,000.00	i. 1 Jurnal Terindeks SCOPUS/ ERA

- 1.6.2 Penghargaan kepada Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim dan geran penyelidikan mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- 1.6.3 Penerbitan yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja yang diambil kira
- 1.6.4 Artikel yang telah diterbitkan perlu didaftarkan di Sistem eRepositori Penerbitan

1.7 PENILAIAN

- 1.7.1 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Penerbitan PKWTFH dan CRIM, UKM;
- 1.7.2 Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon selepas Mesyuarat Jawatankuasa; dan
- 1.7.3 Keputusan Jawatankuasa adalah muktamad.

1.8 PEMANTAUAN

- 1.8.1 Laporan Kemajuan perlu dihantar seperti yang telah dijadualkan seperti berikut:

JENIS LAPORAN	TEMPOH PENGHANTARAN LAPORAN
Laporan Interim	Tempoh enam (6) bulan dari tarikh mula projek.
Laporan Akhir	Tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh mula projek.



- 1.8.2 Laporan Kemajuan perlu dikemukakan satu (2) salinan keras ke Urusetia Penyelidikan PKWTFH; dan
- 1.8.3 **Kegagalan mengemukakan Laporan Kemajuan menyebabkan peruntukan projek penyelidikan akan dibekukan sehingga laporan kemajuan diterima.**

1.9 SILING PERUNTUKAN

- 1.9.1 Siling peruntukan untuk setiap permohonan Geran Penyelidikan Kursi Kepimpinan Wanita adalah berjumlah RM30,000.00

1.10 TEMPOH IKLAN

- 1.10.1 PKWTFH akan membuat pemakluman mengenai tarikh buka dan tutup permohonan melalui surat kepada Dekan/ Pengarah Fakulti/ Institut/ Pusat serta di laman web PKWTFH (www.ukm.my/pkwtfh).

 <p>UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i></p>	<p>UKM-PKWTFH-2014-01 TARIKH KUAT KUASA: 01-10-2017</p> <p>GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN KURSI KEPIMPINAN WANTA</p>	 <p>PUSAT KEPIMPINAN WANITA TUN FATIMAH HASHIM UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA</p>
--	--	--

Maklumat lanjut:

Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKWTFH)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi, Selangor

No. Tel : 03-8921 4063

No. Faks : 03-8921 4754

(u.p) : **Encik Mohamad Hidir Mohamed**
Pegawai Penyelidik Sosial